

Wabak E.coli di Jerman sengaja direka?

Sinar 21/6/2011
MS 2.

HERBALIS BAHRAIN SAMAH, RH (AHG)

Selepas pandemik H1N1 reda, jangkitan E.coli di Jerman yang meragut nyawa sejak awal Mei mengejutkan dunia. Keturunan E.coli yang didapati kebal antibiotik tersebut, E menjangkiti beribu orang dan menyebabkan sejumlah kematian. Ini menjadikannya jangkitan 'superbug' E.coli yang pertama di dunia berlaku secara meluas.

Pihak berkuasa Jerman masih bertungkus-lumus berusaha mengenal pasti punca. Pada peringkat awal, timun Sepanyol dipersalahkan. Kemudian dakwaan ditarik balik apabila ujian mendapati ia mengandungi keturunan E.coli yang berbeza. Pada 12 Mei lalu, pemeriksa menuding kepada tauge Jerman sebagai tindakan susulan setelah ujian awal didapati negatif. Ujian ke atas tauge masih berterusan.

Pada 13 Jun lalu, Associated Press (AP) melaporkan berpunca tauge dari sebuah ladang organik yang terletak di utara Jerman sebagai punca jangkitan. Jika benar, bagaimana E.coli jenis superbug ini dapat membiak pada tauge organik Jerman?

Jawapannya ialah keadaan panas dan lembap bagi percambahan tauge dipercayai menjadi persekitaran kondusif bagi pembiakan E.coli. Untuk pengetahuan anda, walaupun proses penanaman, pembungkusan dan



BAHRAIN


Superbug O104

Sebelum superbug E.coli Eropah menyerang, terdapat beberapa jenis keturunan bakteria dikenali sebagai 'E.coli yang lain' telah menjangkiti ramai orang. Ujian bagi mengenal pasti setiap jenis penyakit berpunca dari E.coli dikatakan sebagai langkah mustahil.

Sehubungan dengan ini, Dr Robert Tauxe dari Pusat Pengawasan Penyakit Amerika Syarikat berkata, "Sudah tiba masanya (pihak berkuasa kesihatan) seluruh dunia perlu mengambil berat."

Jangkitan E.coli Jerman yang masih berlangsung ialah dari keturunan O104. Sebelum ini keturunan O104 biasanya didapati tidak kebal terhadap antibiotik.

Setelah golongan saintis Jerman dari Robert Koch Institute memecahkan kod genetik O104,



Hidangan tauge pilihan ramai.

trimethoprim-sulfamethoxazole, cephalosporin, amoxicillin, piperacillin-sulbactam dan piperacillin-tazobactam.


Selain itu, keturunan O104 ini didapati berupaya membina enzim-enzim yang dikenali secara teknikal sebagai Extended-Spectrum Beta-Lactamases (ESBLs).

Menurut Agensi Pencegahan Kesihatan United Kingdom, ESBLs dibina oleh bakteria menjadikannya kebal terhadap antibiotik kategori cephalosporins seperti cefuroxime, cefotaxime dan ceftazidime yang biasa digunakan di kebanyakan hospital.

Untuk memburukkan lagi keadaan, keturunan O104

mengalami kegagalan organ yang kritikal dan meninggal dunia dengan mudah!

Sesetengah saintis mengesyaki bahawa keturunan O104 yang kebal kepada berdozen antibiotik daripada lapan jenis antibiotik itu bermutasi hasil proses kejuruteraan biologi di makmal. Mereka mengatakan O104 mustahil bermutasi sedemikian rupa (keadaannya?) secara semula jadi. Jadi, mereka berpendapat ia sengaja dilepaskan di luar makmal oleh golongan tertentu yang berkepentingan dengan tujuan tertentu.



pihak berkuasa

agar sayur-sayuran mereka didedahkan dengan sinar gamma sebelum dipasarkan. Jika ia berlaku, sayur-sayuran organik tulen akan terhapus dari benua Eropah.

Data saintifik menunjukkan produk pertanian yang didedahkan kepada radiasi mengalami kekurangan paras nutrien seperti vitamin. Paras radikal bebas juga dikatakan meningkat. Begitu juga dengan aflatoxin yang dikaitkan

penghantaran sesuatu jenis produk pertanian memenuhi kriteria organik, tiada suatu pawaian pun yang boleh memastikan produk pertanian organik bebas dari sebarang jenis bakteria termasuk E.coli.

memecahkan kod genetik O104, mereka mendapati ia kebal terhadap semua jenis atau gabungan antibiotik termasuk penicillin, tetracycline, asid nalidixic,

kedua-duanya O104 dikatakan mengandungi dua gen iaitu TEM-1 dan CTX-M-15. The Guardian (5 Jun, 2011) menyatakan kedua-duanya membuatkan para doktor gementar sejak tahun 90-an. Ia kerana kedua-dua gen tersebut amat berbahaya. Ramai yang dijangkiti oleh bakteria

mengandungi gen-gen tersebut

Segar tidak semestinya sihat.

Konspirasi?

Jika benar, mengapa 'pelepasan' itu dilakukan? Selama ini, makanan termasuk sayur-sayuran organik terbukti meningkatkan mutu kesihatan manusia. Pengamal makanan organik kurang mengalami penyakit berbanding dengan mereka yang makan makanan terproses.

Dengan puluhan kematian dan beribu lagi menghidap simptom-simptom yang tidak menyenangkan akibat jangkitan e. coli, maka penduduk Eropah akan mula bimbang untuk makan sayur-sayuran organik.

Jadi, mahu tidak mahu pengusaha-pengusaha ladang sayuran organik khususnya di Jerman, iaitu sejak 1959 mereka tidak mendedahkan sayur-sayuran kepada radiasi bahan radioaktif bagi membasmi mikroorganisme secara cekap. Jangkitan E.coli yang dipercayai sengaja direka akan berupaya menekan pengusaha pertanian organik akur saranan

dengan anatoxin yang dikaitkan dengan kanser hati.

Kajian ke atas haiwan menunjukkan pengambilan makanan didedah kepada radiasi melemahkan fungsi sistem imun. Jika berlaku kepada manusia, ia akan menyebabkan seseorang mudah terdedah kepada beraneka penyakit sama ada berpunca dari infeksi, penyakit keradangan atau kanser.

Siapa yang untung selepas itu? Apakah reaksi golongan perubatan moden seperti pembuat ubat-ubatan dan hospital yang berasaskan penyakit dihidapi manusia?

KREDIT

Penulis ialah herbalis profesional bertaraf dunia. Perunding dan pendidik nutrisi holistik, Buku (semua terbitan ALAF 21): Kawal Berat Badan, Variasi Aromaterapi, Serangan Jantung, Diabetes Jenis 2. Rawat Dengan Herba – Cegah Demam & Flu.